

Kekal tradisi amalan Islam perkukuh ukhuwah Muslim

Oleh Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir
bhagama@bh.com.my

Agama Islam di Tanah Melayu, seterusnya di Malaysia diakui terjaga dengan baik, apatah lagi kedudukan Islam dilindungi Perlembagaan.

Antara faktor kepada Islam terpelihara adalah disokong dengan undang-undang, Raja pemerintah sebagai ketua agama, kewujudan sekolah pondok dan penggunaan kitab yang diiktiraf kerajaan.

Selain itu, antara faktor penting untuk agama Islam kekal dijaga dengan baik ialah tradisi umat Islam dalam beragama.

Tradisi umat Islam di Tanah Melayu dan di Malaysia berdasarkan ilmu tauhid khususnya meyakini Sifat 20 bagi Allah SWT.

Kitab Turath seperti *Aqidah al-Najidin*, *Faridat al-Faraid*, *Hidayat al-Mutafakkirin* dan sebagainya adalah antara kitab Turath dibaca dan dipelajari secara meluas di negara ini.

Tradisi umat Islam dalam ilmu tauhid adalah berdasarkan manhaj asha'irah yang juga menjadi tradisi ulama silam termasuk di al-Azhar al-Syarif di Mesir. Manhaj Asha'irah ini perlu dijaga dengan baik dan cermat.

Manhaj Asha'irah berpegang teguh dengan nas syarak dan menggunakan akal fikiran secara cermat. Manhaj Asha'irah tidak mengkafirkan sesama umat Islam.

Menerusi manhaj Asha'irah ini, fahaman dan ajaran berselisih dengan pegangan Ahli Sunnah wal al-Jamaah dikekang daripada menjadi aliran arus perdana dalam umat Islam.

Pada masa sama, manhaj Asha'irah ini sewajarnya dikembangkan sebagai alat untuk menzahirkan kebenaran aqidah Islam menghadapi aqidah tidak mentauhidkan Tuhan.

Selain itu, tradisi umat Islam dalam fiqh adalah berdasarkan Mazhab Syafii. Antara kitab Turath digunakan ialah *Matla' al-badrayn*, *Matan*

Abi Syuja, *al-Iqna* dan sebagainya.

Pada masa sama, tiga lagi mazhab fiqh iaitu Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali juga diterima baik.

Masalah fiqh, kehidupan

Ijtihad zaman moden dan fatwa melihat kepada Mazhab Syafii dan tiga lagi mazhab fiqh bagi menyelesaikan masalah fiqh dan kehidupan umat Islam. Dengan tradisi ini, fahaman antimazhab fiqh dengan alasan ijtihad dikekang dengan sebaiknya.

Sementara itu, pengajaran fiqh berdasarkan mazhab ini sewajarnya dipermudahkan bagi menampakkan keanjalan Islam.

Tradisi umat Islam adalah beramal dengan ilmu tasauf iaitu ilmu pembersihan jiwa daripada sifat buruk dan seterusnya berhias dengan sifat mulia.

Tradisi tasauf umat Islam berdasarkan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Antara kitab Turath dipelajari ialah kitab *Minhaj al-'Abidin* dan *Ihya Ulumiddin*.

Tradisi umat Islam dalam ilmu tasauf adalah fokus kepada perkara berfaedah kepada diri dan umat. Adapun perkara tidak berfaedah tidak diberi perhatian.

Antara perkara diberi perhatian ialah membuang sifat keji seperti hasad, riak, sombong dan sebagainya.

Perkara diberi perhatian ialah menekankan

“ Tradisi umat Islam adalah beramal dengan ilmu tasauf iaitu ilmu pembersihan jiwa daripada sifat buruk dan seterusnya berhias dengan sifat mulia ”

sifat mulia seperti tawaduk, ikhlas, dermawan, pemaaf, tidak marah dan ihsan. Maka perkara tidak berfaedah kepada diri dan umat Islam tidak diberi perhatian.

Dengan tradisi ini, tasauf yang dibawa adalah berpijak di bumi nyata, tidak menolak pembangunan dunia dan hidup bermasyarakat.

Dengan tradisi tasauf ini, pemikiran melampau, pelik dan pengaruh 'batiniah' dikekang daripada menjadi aliran tasauf arus perdana umat Islam.

Selain itu, tradisi umat Islam di negara ini juga berpegang teguh dengan riwayat hadis, khususnya enam kitab hadis utama iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Tirmizi*, *Sunan Abu Daud*, *Sunan Nasai* dan *Sunan Ibnu Majah* serta kitab *al-Muwatto Imam Malik*.

Kitab hadis paling masyhur ialah *Hadis 40 al-Nawawi* dan kitab *Riyadius Solihin*. Maka riwayat hadis tidak diambil hanya berdasarkan mimpi atau dakwaan bertemu dengan Nabi SAW direka cipta.

Kekalkan tradisi

Umat Islam di negara ini juga mengekalkan tradisi membaca al-Quran dengan riwayat Hafs daripada 'Asim. Qiraat lain tetap dihormati.

Bacaan al-Quran dengan qiraat berbeza tidak salah, namun mungkin mengundang ketidakselesaan umat Islam kerana menganggap ia bacaan salah. Maka tidak sewajarnya dibawa bacaan al-Quran dengan qiraat berbeza tanpa masyarakat bersedia.


Tradisi umat Islam merujuk kepada beberapa kitab tafsir contohnya seperti *Tafsir al-Jalalain*, *Tafsir al-Nasafi*, *Tafsir al-Khazin*. Tafsir al-Quran ini berdasarkan manhaj tafsir bi al-mathur (dengan al-Quran, hadis dan kalam sahabat Nabi) dan tafsir bi al-raky (dengan ijtihad pemikiran).

Umat Islam negara ini turut mengamalkan beberapa amalan secara sederhana seperti sambutan Maulidur Rasul, diisi dengan majlis ilmu seperti ceramah, forum dan diskusi buku.

Dalam amalan urusan kematian pula, jenazah diuruskan termasuk dibacakan talqin. Tiada perhisan kecuali batu nisan, kayu untuk memegang tanah kubur. Tiada amalan pelik dilakukan di kubur.

Tradisi umat Islam di negara ini secara umumnya diperakui ulama. Ia diamalkan sejak puluhan tahun, bahkan ratusan tahun. Maka memelihara tradisi umat Islam dalam beragama ini penting bagi menjaga agama Islam.

Dengan memelihara tradisi ini, umat Islam akan terhindar daripada perbalahan. Penambahbaikan pula jika perlu harus dilakukan dengan cermat tanpa mengundang permusuhan sesama umat Islam.



Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia